

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RQK 358 – EKONOMI BANGUNAN II

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. a) Bincangkan tentang strategi-strategi perancangan kos yang wajar dipertimbangkan untuk sesuatu projek yang berlandaskan senarai bahan. Sekiranya projek tersebut hendak dilaksanakan mengikut kaedah 'fast-tracking' nyatakan perubahan-perubahan yang harus diambilkira didalam pembentukan strategi-strategi tersebut.
- b) Dengan panduan gambarajah, jelaskan tentang bagaimana isu-isu bersabit dengan teknik rekabentuk mustahak dari sudut pengurusan kos.

(20 MARKAH)

2. a) "Peranan Juruukur Bahan didalam penyediaan belanjawan projek amat kritikal untuk memastikan sesuatu projek itu berdaya-hidup"

Bincangkan dengan memberi tumpuan terhadap kehendak-kehendak klien dari sudut masa dan kos serta senaraikan faktor-faktor utama yang harus dipertimbangkan didalam penyediaan belanjawan projek.

- b) Nyatakan masalah-masalah yang mungkin akan dihadapi didalam penyediaan Anggaran Awalan (Preliminary Estimates) dan berikan saranan-saranan bagaimana teknik-teknik penyediaannya boleh diperbaiki.

(20 MARKAH)

3. a) Pihak pemaju HBP Sdn. Bhd. mempunyai beberapa alternatif untuk mendirikan Projek Hostel Mahasiswa USM yang merangkumi pembinaan 240 unit hostel. Alternatif tersebut ialah :
- i) membina 1 blok - 12 tingkat
 - ii) membina 2 blok - 6 tingkat atau
 - iii) membina 3 blok - 4 tingkat

Anda dikehendaki memberi nasihat komprehensif kepada pihak HBP Sdn. Bhd. berpandukan morfologi bangunan tentang pertimbangan-pertimbangan ekonomi yang harus diambilkira.

- b) Dengan ringkas, senaraikan matlamat 'cost modelling'.

(20 MARKAH)

4. a) "Diantara ciri-ciri Value Management (VM) yang dipraktikkan di Amerika Syarikat adalah pendekatan berpasukan terhadap 'creativity' melalui penggunaan 'job plan'.

Bincangkan falsafah disebalik konsep VM dan nyatakan dengan jelas bagaimana unsur-unsur sinergi pasukan rekabentuk dan kekreatifan dapat ditonjolkan melalui teknik VM.

- b) Jelaskan tentang kritik-kritik yang terdapat didalam penggunaan teknik VM.
- c) Propose an outline of a 40hr – VM workshop.

(20 MARKAH)

5. a) Bincangkan tentang kesesuaian pihak Juruukur Bahan untuk mengepalai sesi VM workshop. Sarankan kriteria-kriteria utama untuk menjadi VM Team Leader.
- b) Dengan panduan gambarajah, catatkan suatu VM Job Plan yang lengkap sepertimana yang diajukan oleh SAVE International. Kenalpasti dimana seorang Juruukur Bahan boleh berperanan paling berkesan didalam VM Job Plan tersebut.
- d) Dengan ringkas, jelaskan tentang FAST.

(20 MARKAH)

6. a) "The 'whole-life' costing technique, whilst excellent in theory, has considerable problems in practice".

Bincangkan.

- b) Proses-proses kajian kemungkinan, penilaian pembangunan, ekonomi pelaburan melibatkan pelbagai risiko didalam penyediaannya. Jelaskan tentang pengurusan risiko didalam konteks nasihat kos awalan.
- c) Dengan ringkas bincangkan tentang :
- i) The Charette
 - ii) Synectics

(20 MARKAH)

- oooOOOooo -

